

**TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN SISA ORGANIK DAN  
ALAT PERMAINAN KANAK-KANAK  
13 OKTOBER 2012 (SABTU)  
JAM 12.00 TENGAHARI  
DI KONKUS MEGAMAL PINANG, PERAI**

---

Terima kasih Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas

**Yang Dihormati En Soon Lip Chee**

Ahli Majlis MPSP

Merangkap Pengerusi Pasukan Mesra Alam LA 21, MPSP

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Dihormati En. Ng Hooi Lan**

Bendahari JMB Megamal

**Yang Dihormati En. Andy Loo Heok Ming**

Pengurus Megamal Pinang

Ketua-Ketua Jabatan

Wakil-wakil Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

---

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat tengahari dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada YB Tuan Chow Kon Yeow dan para hadirin sekalian ke Majlis Pelancaran Pengumpulan Sisa Organik dan Alat Permainan Kanak-kanak di Megamal Pinang, Perai.

Pada April yang lalu, saya telah merasmikan Pusat Pembelian Barang Kitar Semula di Megamal ini. Secara puratanya pada setiap bulan, Megamal Pinang mengumpul sebanyak 10 tan barang kitar semula selepas dirasmikan pada bulan April yang lalu. Selepas ini Megamal akan mula mengumpul sisa organik dan alat-alat permainan kanak-kanak dan Megamal Pinang juga merupakan pasaraya pertama di Seberang Perai yang menjalankan program pengumpulan sisa organik.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan,

Mengikut sumber dari *Waste Management Association Malaysia*, setiap warganegara Malaysia telah membuang lebih kurang 0.8 kg-1.5 kg per kapita sampah setiap hari di kawasan bandar. Manakala untuk warga Negeri Pulau Pinang pula, kita membuang lebih kurang 1.1 kg sampah setiap hari termasuklah sisa dapur.

Sisa dapur merupakan di antara sampah organik yang menjadi cabaran untuk dilupuskan dengan betul tanpa mencemarkan alam sekitar. Premis seperti restoran, hospital, dan mungkin juga sekolah saban hari menghasilkan ratusan tan sisa tersebut yang perlu ditangani setiap hari.

Memang sisa dapur boleh mengurai secara semulajadi. Tetapi jika dibiarkan begitu sahaja atau dibuang sesuka hati sudah tentu ia mencacatkan pemandangan sementara menunggu masa ia terurai.

Ramai diantara kita yang tidak sedar, di sebalik sisa yang dilihat tidak berguna dan kadang-kadang menjijikkan, sebenarnya boleh dimanfaatkan untuk kehidupan seharian iaitu memproseskan sisa dapur / sisa organik kepada baja.

Oleh itu, Pasukan LA 21 MPSP telah bekerjasama dengan CIMB dalam Program Pengurusan Sisa Dapur Organik. Melalui program ini, beberapa taman perumahan dan perkampungan di Seberang Perai dipilih, suri rumah atau peserta di sesebuah taman perumahan yang dipilih akan mengumpulkan sisa dapur untuk tempoh 8 minggu. Selepas 8 minggu, peserta yang berjaya membawa sisa dapur pada setiap minggu akan diberi ganjaran.

Contohnya melalui program ini, sebanyak 5,082 kg sisa dapur di kutip oleh Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang. Manakala sebanyak 3,495 kg telah dikumpulkan di Bukit Panchor dan 2,825 kg sisa dapur telah dikumpulkan di Perkampungan Jawi.

Program pengumpulan sisa organik di Megamal adalah kerjasama di antara MPSP dengan Shence Greentech Sdn. Bhd. Sisa-sisa dapur / sisa organik

yang dikumpulkan dari kedai-kedai makan yang terdapat di Megamal akan dikutip oleh pihak Shence Greentech pada setiap hari dan kemudian akan diproses kepada baja oleh Shence Greentech. Dianggarkan 4 tan baja dapat dihasilkan setiap hari. Saya amat berbangga kerana 30 buah penyertaan di Megamal ini yang terdiri restoran dan kedai makan yang telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam pengumpulan sisa organik. Tahniah kepada tuan-tuan semua.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Alat-alat permainan kanak-kanak yang tidak digunakan atau rosak juga boleh dikitar semula. Pada kebiasanya, bila anak-anak kita mendapat alat permainan yang baru, yang lama akan ditinggalkan. Oleh itu, bagi mengelakkan pembaziran, tuan-tuan dan puan-puan boleh membawa alat-alat permainan anak-anak yang tidak digunakan lagi ke Megamal. Biasanya alat permainan yang dibeli untuk anak-anak kita adalah diperbuat daripada plastik. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan ketahui, barang-barang yang diperbuat daripada plastik mengambil tempoh masa panjang untuk diuraikan.

Oleh itu, jika terdapat alat permainan yang telah rosak, bolehlah dihantar ke Megamal. Alat-alat permainan akan dibaiki terlebih dahulu sebelum diberi kepada rumah anak yatim. Kaedah ini bukan sahaja dapat mengembirakan sekumpulan kanak-kanak rumah anak yatim, tetapi ia juga dapat mengurangkan pembuangan alat permainan ke tapak pelupusan dan mengurangkan pencemaran kepada alam kita.

Selain daripada program yang dijalankan bersama agensi-agensi dan komuniti, MPSP juga meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kitar semula dan pemeliharaan alam sekitar melalui sekolah. Pelbagai program telah diadakan sepanjang tahun ini seperti Program Zero Waste, Program Anugerah Sekolah Hijau. Tujuan adalah untuk meningkat kesedaran anak-anak muda tentang kepentingan memelihara alam dan bumi kita.

Sehingga kini, sebanyak 53 buah sekolah telah menyertai Program Anugerah Sekolah Hijau berbanding dua tahun yang lepas yang disertai oleh 36 buah sekolah (tahun 2011) dan 30 buah sekolah (tahun 2010). Sekarang ialah dalam peringkat penilaian sekolah-sekolah yang mengambil bahagian. Manakala untuk Program Zero Waste, sebanyak 6 buah sekolah telah menyertai program ini. Diharapkan lebih banyak sekolah akan menyertai program ini pada tahun hadapan.

Manakala untuk program komposting, sebanyak 15 buah organisasi telah bersama-sama kita seperti Pasar Awam Bagan Ajam, Pasar Awam Apollo Butterworth, Pasar Pemborong Sayur Bukit Mertajam, Hotel Ixora Seberang Perai, Taman Bagan Lalang, Taman Tambun Indah, Sony Di Prai ,Taman Desa Damai, Taman Keenway Bukit Mertajam, Taman Sri Rambai, Perkampungan Jawi, Taman Bukit Panchor, Nibong Tebal, Permatang Janggus, Penaga, Kampung Permatang Nibong dan Jawi Golf Resort. Hari ini sukacitanya 30 buah restoran di Megamal ini akan bersama dengan kita dalam Program Pengkomposan dan bakal menjadikan keseluruhan 45 organisasi yang

bersama-sama dengan Majlis dalam pengumpulan sisa organik. Ini adalah kerjasama daripada anda semua.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan,

MPSP mengutip sekurang - kurangnya 1000 tan sampah - sarap pada setiap hari. Ini tidak termasuk besi - besi buruk atau sampah - sarap yang dibuang sendiri oleh individu atau syarikat-syarikat yang beroperasi di sekitar Seberang Perai. Semua sampah - sarap ini akan dibuang ke tapak pembuangan sampah atau dilonggokkan di tempat-tempat pembuangan haram sehingga menjadikan keindahan dan estetika perbandaran. Akibatnya, Majlis Perbandaran Seberang Perai membelanjakan jutaan ringgit setiap tahun untuk mengendalikan pengurusan sampah - sarap tersebut.

Oleh itu, MPSP telah menjalankan aktiviti kitar semula, kadar kitar semula sehingga bulan Ogos adalah 24.81%. Sasaran Kerajaan Negeri untuk tahun 2012 ialah 30%. Kos pengurusan sampah - sarap yang berjaya dijimatkan oleh MPSP sebanyak 8 bulan adalah sebanyak RM 1.44 juta.

Justeru itu, saya mengharapkan lebih banyak lagi pasaraya yang akan mengambil pendekatan yang sama untuk menubuhkan pusat pembelian bahan kitar semula, pengumpulan sisa organik di pasaraya masing - masing bagi mengurangkan pembuangan sisa ini ke tapak pelupusan.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Chow kerana kesudian beliau hadir ke Majlis pada hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada

Megamal Pinang dan 30 restoran kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dalam program ini.

Saya Sudah dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaikum wbth.  
Sekian, terima kasih.